

**Warisan Malaysia**  
**Adat Perpatih: Istiadat Menghantar Kepala Mayat**

Nur Fatimah Abdul Rashid  
Syafiqah Nabilah Jamali  
Saiful Farik Mat Yatin  
Nordiana Mohd Nordin

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

*Abstrak*

*Artikel ini membincangkan berkenaan Istiadat Menghantar Kepala Mayat yang merupakan salah satu istiadat yang masih diamalkan oleh pengamal Adat Perpatih di Luak Johol, Negeri Sembilan. Istiadat ini mempunyai unsur-unsur yang unik dan kurang diketahui umum pada masa kini walaupun ianya telah diamalkan sejak turun temurun. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk mengkaji istiadat ini dari segi sejarah, latar belakang, persediaan dan bagaimana upacara istiadat ini dijalankan. Dapatan kajian ini adalah berasaskan kepada hasil wawancara sejarah lisan yang telah dijalankan bersama Dato' Lembaga Tiang Balai Luak Johol iaitu Dato' Lembaga Hamzah Limin. Beliau berkongsi dan cerita berkenaan istiadat ini dengan penuh takzim. Kajian literatur juga telah dijalankan bagi menguatkan lagi fakta berkenaan istiadat ini. Temubual sejarah lisan ini dijalankan pada 14 November 2018 bersamaan hari Rabu bertempat di kediaman beliau iaitu di Rumah Rakyat Air Mawang, Johol, Negeri Sembilan.*

*Kata kunci: Istiadat Menghantar Kepala Mayat, Adat Perpatih, warisan Negeri Sembilan*


**Pendahuluan**

*Istiadat Menghantar Kepala Mayat* adalah salah satu istiadat yang agak asing dikalangan rakyat Malaysia. Ia masih diamalkan oleh pengamal Adat

Perpatih di Luak Johol, Negeri Sembilan. Adat Perpatih ini berasal daripada Minangkabau, Sumatera, Indonesia. Ia dibawa ke Semenanjung Malaysia oleh pedagang dan perantau sejak dahulu lagi. Adat Perpatih ini telah diamalkan lebih kurang 600 tahun dahulu dan diasaskan oleh pemimpin Minangkabau iaitu Sultan Balun yang bergelar Dato' Perpatih Nan Sebatang (Arkib Negara Malaysia, 2018).

Rosiswandy (n.d), menyatakan bahawa pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan bersifat menyeluruh didalam setiap lapisan masyarakatnya di Luak-Luak adat. Sehingga kini Adat Perpatih memainkan peranan yang penting dalam sistem pentadbiran Negeri Sembilan yang merangkumi aspek pelantikan pemimpin disemua peringkat, pemilikan harta pusaka, penerapan nilai-nilai keperibadian, kekeluargaan dan kemasyarakatan yang menjadi tonggak kepada keutuhan Negeri Sembilan sebagai Negeri Beradat. Justeru itu, di Negeri Sembilan, masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih mempunyai hierarki kepimpinannya yang tersendiri. Sistem pemilihan pemimpin dalam Adat Perpatih dilakukan secara permuafakatan iaitu secara sebulat suara. Anak buah memainkan peranan penting dalam pemilihan pemimpin-pemimpin mereka.

Selanjutnya mengikut struktur, masyarakat Adat Perpatih terbahagi kepada tiga kumpulan utama iaitu *Perut*, *Suku* dan *Luak* (Arkib Negara Malaysia, 2018). *Perut* ialah masyarakat. Umum mengetahui bahawa Adat Perpatih lebih mementingkan kaum wanita berbanding lelaki atau lebih dikenali '*matrilineal*' (Rosiswandy, n.d). Anggota sesuatu *Perut* adalah terdiri daripada atau berasal daripada moyang keturunan wanita yang sama. Kelebihan wanita diletakkan pada pewarisan harta pusaka dan membawa darah keturunan. Kumpulan kedua iaitu *Suku*, dibentuk daripada beberapa *Perut* yang menjadikannya kumpulan yang lebih besar diketuai oleh seorang Dato' Lembaga. Kumpulan ketiga iaitu *Luak* merupakan sebuah kawasan pentadbiran yang berteraskan adat dan diketuai oleh seorang Undang.



Menurut Dato' Lembaga Hamzah Limin (2018), Adat Perpatih ini sebenarnya berasal daripada masyarakat Orang Asal. Diketuai oleh Dato' Batin yang ditugaskan untuk menjaga bahagian atau kawasan di dalam hutan. Manakala Dato' Undang ditugaskan untuk menjaga perihal di jalan raya, sebagai Ketua Adat dan Ketua Agama dengan gelaran Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan. Adat Perpatih ini mempunyai pelbagai istiadat yang sama dengan adat lainnya seperti, adat meminang, adat merisik, adat bertunang namun yang agak berlainan adalah adat *Istiadat Menghantar Kepala Mayat*.

Di Negeri Sembilan terdapat empat (4) *Luak Utama* yang masih kuat mengamalkan Adat Perpatih iaitu *Luak Johol*, *Luak Jelebu*, *Luak Rembau* dan *Luak Tampin*. Di *Luak Tampin* gelaran bagi Dato' Undang ialah Yang Teramat Mulia (YTM) Tunku Besar Tampin dan jawatan pengganti akan disandang oleh anak lelaki. Manakala di *Luak* lain pengganti jawatan akan dipilih mengikut giliran dan permuafakatan anak buah di sesuatu *Luak*. Ini menunjukkan bahawa pemilihan pemimpin dipilih melalui kesepakatan anak buah bak kata perpatih '*bersatu teguh, bercerai roboh*'. Itulah perpatih yang dapat digambarkan kepada pengamal Adat Perpatih.

### Istiadat Menghantar Kepala Mayat

Begitu juga dengan *Istiadat Menghantar Kepala Mayat*, diamalkan bagi mengisi kekosongan pusaka adat dalam *Luak* Johol. Istiadat ini juga merupakan salah satu istiadat yang masih diamalkan oleh *Luak* Johol dan dipelihara secara terbuka oleh masyarakat di Johol. Ianya diadakan apabila seseorang Dato' Lembaga atau Dato' Adat meninggal dunia dan ianya bukan sekadar nama bahkan melambangkan simbolik untuk memberitahu kematian seseorang Dato' Lembaga Atau Dato' Adat kepada Undangan Johol (Syairah, 2018).


Merujuk kepada penulisan Ghazali Yasin (2018) nama *Istiadat Menghantar Kepala Mayat* ini tercipta hasil daripada gabungan perkataan kepala dan mayat. Pertama, yang dimaksudkan oleh '*kepala*' itu menunjukkan erti ketua iaitu Dato' Lembaga atau Dato' Adat manakala istilah '*mayat*' merujuk kepada orang yang sudah meninggal dunia. *Luak* Johol menggunakan istilah berkenaan sejak sekian lama sejak turun temurun lagi, iaitu sekitar 600 tahun dahulu. Istiadat ini akan diadakan jika berlakunya sesuatu kematian Dato' Lembaga dan Dato' Adat bagi sesebuah *Luak*. Istiadat ini juga perlu dilaksanakan dalam tempoh *iddah* iaitu tujuh (7) hingga ke 14 hari selepas kematian seseorang Dato' Lembaga atau Dato' Adat. Menurut Hamzah Limin (2018) rombongan daripada *Suku* berkenaan mestilah disertai oleh *Ibu Soko* dan *Tua Adat* bagi mengetuai rombongan ke Balai Mengadap Dato' Undang.

Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan penulisan Ghazali Yasin (2018) iaitu istilah '*sakit bermula, mati bersebab*'. Istilah adat ini menunjukkan pemberitahuan kepada Dato' Undang secara rasmi dan terperinci sebab dan maklumat tentang kematian Dato' Lembaga atau Dato' Adat walaupun Dato' Undang telah sedia maklum tentang kematian tersebut.

Johol merupakan salah satu *Luak* yang terdapat di Negeri Sembilan. *Luak* didefinisikan sebagai kawasan atau daerah dalam loghat Negeri Sembilan. *Luak* Johol ini terletak di bahagian tenggara Negeri Sembilan yang meliputi kawasan

Gemencheh, Gemas, Pasir Besar, Air Kuning Selatan, Kepis, Dangi, Selaru, Johol dan Palong (Ameer Khan, 2017).

Istiadat ini merupakan istiadat secara bergilir atau lebih dikenali *Pusaka Bergilir* yang menunjukkan pemilihan Dato' Lembaga dan Dato' Adat secara selang seli dari *Dua Perut*. Sebagai contoh, sebelum ini *Perut Darih* menyandang jawatan maka jawatan selepasnya akan dilantik dari kalangan *Perut* lagi satu. *Perut* yang dimaksudkan di atas terdiri daripada *Suku* yang sama. Istiadat ini perlulah dilakukan secara berkait iaitu sebelum istiadat, semasa istiadat dan selepas istiadat (Hamzah Limin, 2018)



*Rajah 1: Aliran Istiadat yang dijalankan*

Apabila Dato' Lembaga meninggal dunia, anak kepada Dato' Lembaga mestilah memaklumkan kepada *Buapak* terlebih dahulu bagi pengurusan jenazah. Dato' Panglima Hitam secara rasmi dilantik sebagai Imam Balai Undang bagi mengetuai bacaan doa dan talkin. Perkara ini juga diberi keutamaan kepada imam di kariah berkenaan. Sekiranya pihak keluarga mempunyai permohonan atau hajat untuk Dato' Panglima Hitam mengetuai bacaan doa, perkara itu akan dilakukan, begitulah sebaliknya. Bacaan doa selamat dilakukan selama tiga (3) hari berturut-turut secara wajib manakala yang selebihnya atas pilihan keluarga sendiri.

Anak buah mestilah memaklumkan kematian Dato' Lembaga kepada YTM Undang *Luak* Johol. Sebelum istiadat dilaksanakan, anak buah beserta *Ibu Soko* dan *Tua Adat* mengadakan satu *kerapatan* iaitu perbincangan bersama anak buah beserta ibu soko untuk mencari tarikh yang sesuai bagi mempersembahkan istiadat berkenaan kepada YTM Dato, Undang. Tarikh yang dipilih mestilah dalam lingkungan tujuh (7) hingga ke-14 hari waktu *iddah*. Apabila sesuatu tarikh telah

ditetapkan oleh Balai Undang, satu kerapatan dibuat di rumah *Ibu Soko* bagi membincangkan dan mempersiapkan persediaan untuk mengadap.

Semasa hari istiadat ini dijalankan, dimulakan dengan *Buapak* bertemu Dato' Menteri terlebih dahulu sebelum bertemu Dato' Undang dengan membawa *Bujam Epok*. *Bujam Epok* merupakan satu persembahan yang mengandungi telapak sirih dan dibalut dengan kain bersulam. Tujuan *Buapak* bertemu Dato' Menteri adalah untuk memberitahu hajat kedatangan rombongan ke Balai Undang *Luak* Johol. Dato' Menteri berperanan sebagai '*lidah undang*' iaitu jurucakap kepada Undang (Hamzah Limin, 2018). Selepas bertemu Dato' Menteri, *Buapak* dan rombongan dipersilakan untuk mengadap Dato' Undang bersama barangan persembahan.

Semasa *Buapak* dan rombongan melangkah masuk ke Balai Mengadap, mereka mestilah duduk bersimpuh di atas tikar mengkuang dan meletakkan barang-barang persembahan di atas tikar mengkuang terlebih dahulu sebelum upacara istiadat dilakukan. Susunan persembahan mestilah disusun dengan betul.

Upacara istiadat ini dimulakan dengan *Buapak* mempersembahkan dan menghulurkan *Bujam Epok* kepada Dato' Undang yang akan menerima dan meletakkan tangan di atas *Bujam Epok* berkenaan sambil bertanyakan hajat mereka datang. Semasa Dato' Undang mencecah *Bujam Epok* berkenaan, *Buapak* mestilah menceritakan tujuan mereka datang adalah untuk menyampaikan berita secara rasmi tentang kematian Dato' Lembaga. *Buapak* akan memaklumkan secara terperinci bila, dimana, sakit yang dihadapi oleh Dato' Lembaga sebelum meninggal dunia. Selepas mendengar perkhbaran daripada *Buapak Suku* berkenaan, Dato' Undang mengisytiharkan, '*mulai tarikh*

*ini, bolehlah anak-anak buah mencari mata benih*'. Mata benih ialah pengganti kepada Dato' Lembaga yang mempunyai ciri-ciri dan kelayakan. Merujuk senarai, ini merupakan ciri-ciri utama bagi seseorang Dato' Lembaga:

- a. Umur yang matang
- b. Pengalaman dalam bidang adat
- c. Latar belakang adat
- d. Agama
- e. Pergaulan dengan masyarakat
- f. Kesihatan

**JURNAL SEJARAH LISAN MALAYSIA**

**ISSN 2600-7088 JILID 2 ISU 1  
APRIL 2018**

Semasa istiadat ini dijalankan, pihak yang hadir terdiri daripada keempat-empat *Suku* yang terlibat. Wakil *Suku* yang akan dilantik oleh Dato' Lembaga mestilah lebih ramai daripada *Suku-Suku* yang lain. Ahli *Suku* terdiri daripada kaum lelaki dan wanita tetapi kaum wanita mestilah berkedudukan lebih tinggi daripada kaum lelaki. Hal ini kerana kaum wanita merupakan pewaris adat dan juga pewaris harta pusaka manakala kaum lelaki penjaga harta. Had umur bagi kaum wanita yang layak untuk hadir istiadat mestilah yang layak menyandang pusaka. Kanak-kanak juga digalakkan untuk hadir bagi memeriahkan dan meramaikan istiadat yang dijalankan.

Selesai sahaja Dato' Undang mengisytihar dan meminta untuk mencari mata benih, upacara istiadat ini diteruskan dengan jamuan. Jamuan yang dilakukan adalah untuk menghargai anak buah yang sanggup datang dari jauh bagi menghadiri diri semasa istiadat. Berkenaan barang persembahan, ianya akan diagihkan kepada tetamu yang hadir. Tetamu yang hadir mestilah kaum wanita melebihi kaum lelaki begitu juga dengan had umur, tiada spesifik had umur ditetapkan bagi tetamu yang menghadiri diri ke upacara istiadat berkenaan.

Setelah mendapat perkenan daripada Dato' Undang bagi mencari *mata benih*, satu kerapatan mestilah dilakukan di rumah *Ibu Soko* bagi mencari mata benih sebagai pengganti. *Mata benih* perlulah dicari dalam jangka masa seratus hari iaitu tiga (3) bulan sepuluh (10) hari. Jika sesuatu *Suku* cepat mempersembahkan *mata benih*, maka ianya melambangkan kekukuhan dan kerapatan antara anak buah *Suku* berkenaan. Jika ianya berlaku melebihi seratus hari, maka itu akan melambangkan tiada kesepaduan anak buah. Selagi

mana *Undang Luak Johol* tidak memberi isyarat ataupun restu, selagi itu anak buah tidak boleh memilih mata benih baharu. Adat istiadat ini perlu dilaksanakan hanya di dalam Balai Undang Luak Johol bersaksikan Undang Luak Johol dan Dato' Jenang atau Orang Besar Balai. Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan penulisan di *New Malaysian Post* (2018) bahawa istiadat ini perlu disaksikan oleh *Undang Luak Johol*, Datuk Jenang atau Orang Besar Balai dan bertempat hanya di Balai Undang Luak Johol.

Istiadat ini diakhiri dengan doa selamat. Barang-barang persembahan akan di kongsi antara tetamu. Duit adat akan diagihkan secara rawak kepada tetamu yang hadir tanpa mengira jawatan dan jantina. Selain itu juga makanan persembahan

**JURNAL SEJARAH LISAN MALAYSIA**

**ISSN 2600-7088 JILID 2 ISU 1  
APRIL 2018**

yang dibawa semasa istiadat perlulah dimakan bersama-sama pengunjung yang menyertai istiadat berkenaan. Perkara ini dilakukan bagi menunjukkan persepakatan dan kebulatan masyarakat.

Selanjutnya, setelah bertemu dengan *mata benih* yang mempunyai persamaan dari segi pengalaman dalam bidang adat dan pergaulan dengan masyarakat, maka istiadat pemilihan *mata benih* dijalankan. Istiadat ini dilakukan bagi memaklumkan pihak Undang Johol tentang pengganti kepada Dato' Lembaga yang baru. Sebilah keris sebagai alat kebesaran daripada pihak Undang diberikan kepada pengganti yang baru. Keris berkenaan merupakan keris turun temurun yang diwarisi oleh setiap Dato' Lembaga mengikut *Suku* mereka. Keris ini melambangkan *Buapak* daripada *Suku* yang kematian Dato' Lembaga atau Dato' Adat akan datang ke Balai Undang Johol diiringi oleh *Ibu Soko* dan *Tua Adat* waris lelaki untuk mempersembahkan kepada Undang Johol. Istiadat ini juga bertujuan untuk memaklumkan sebab kematian seseorang Dato' Lembaga atau Dato' Adat.

Selain itu, dalam istiadat ini, YTM Dato' Undang akan menyerahkan sebilah keris pusaka (yang sebelum itu dijaga oleh Dato' Lembaga atau Dato' Adat yang meninggal) kepada anak buah yang baru dipilih untuk menyandang jawatan Pusaka Adat yang kosong disebabkan kematian. Keris pusaka ini adalah simbol kuasa dan amanah bagi penyandang pusaka yang baru dipilih (Ghazali Yasin, 2018).



Berikut merupakan tiga faktor bagaimana seseorang Dato' Lembaga atau Dato' Adat hilang jawatan yang disandang. Faktor utama ialah meninggal dunia. Ini kerana tugas sebagai Dato' Lembaga adalah untuk menyelesaikan masalah berkaitan tanah pusaka adat, pindah milik tanah dan pembangunan tanah. Kedua, melanggar tatacara adat iaitu mencuri, membuat perkara yang memalukan seperti mengganggu isteri dan orang lain. Seperti kata istilah '*tiada adab sopan*'. Perlucutan jawatan ini akan dilakukan oleh *Ibu Soko Suku* berkenaan sendiri dengan memintak persetujuan daripada anak buah dengan membuat satu kerapatan. Selanjutnya, dilepaskan sendiri oleh seseorang Dato' Lembaga atau Dato' Adat. Perkara ini terjadi disebabkan oleh masalah kesihatan. Mereka sendiri

**JURNAL SEJARAH LISAN MALAYSIA**

**ISSN 2600-7088 JILID 2 ISU 1  
APRIL 2018**

menyedari bahawa mereka tidak mempunyai keupayaan bagi meneruskan lagi memegang jawatan adat ini. (Hamzah Limin, 2018)

### **Ahli terlibat dalam Istiadat Menghantar Kepala Mayat**

**Dato' Lembaga** ialah ketua kelompok kekeluargaan *Suku*. Pusaka ini mempunyai gelaran tertentu dan dipanggil Dato'. Seorang Lembaga akan menyandang pusaka itu untuk seumur hidup atau mengikut kemampuan dan keupayaannya menjalankan amanahnya. Setiap Dato' Lembaga mempunyai tanah adat (kawasan) yang tersendiri dimana tanah adat itu dikelola dan diberi tanggungjawab terhadap tanah itu serta mewariskan tanah berkenaan kepada anggota *Suku* mengikut adat.

**Undang** adalah ketua kepada *Luak*. Umumnya di Negeri Sembilan sekarang, terdapat sembilan (9) Luak iaitu Seri Menanti (tempat bersemayam Yang Di Pertuan Besar), di sekelilingnya ialah Luak Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas. Mengelilingi Luak-Luak ini pula ialah Luak Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau. Luak Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas dikenali sebagai Luak Tanah Mengandung.

**Buapak** adalah seorang lelaki yang dalam sesuatu *Perut* yang telah dipilih dengan permuafakatan segala anggota dalam *Perut* itu sendiri untuk dijadikan ketua. Melalui kata adat, '*merapatkan*' menunjukkan anggota *Perut* bersetuju dan istiadat atau kenduri rasmi akan diadakan di rumah isteri *Buapak*. Oleh itu, Dato' Lembaga tidak mempunyai hak untuk memilih dan memecat *Buapak* dalam sesuatu *Perut*.

**Suku** iaitu suatu unit kekeluargaan yang lebih besar atau lebih dikenali sebagai masyarakat. Anggota *Suku* mempercayai bahawa mereka semua berasal daripada keturunan yang sama cuma untuk di susur galurkan agak terlalu jauh. Hubungan kekeluargaan dalam *Suku* begitu erat dengan menganggap kaum wanita dalam sesebuah *Suku* keluarganya dan begitulah sebaliknya. Perkara ini menyebabkan perkahwinan sesama *Suku* tidak dibenarkan (Rosiswandy (n.d)).

**JURNAL SEJARAH LISAN MALAYSIA**

**ISSN 2600-7088 JILID 2 ISU 1  
APRIL 2018**

**Ibu Soko** merujuk kepada seseorang wanita yang berilmu dan berpengalaman terhadap sesuatu peradaban yang boleh dijadikan rujukan atau sumber pengetahuan terhadap peradaban yang dimahiri. *Soko* disini bermaksud pusaka yang diamalkan dan digunakan dalam kehidupan sepanjang masa. Peranan *Ibu Soko* dalam istiadat ini adalah saksi semasa istiadat dijalankan.

**Dato'-Dato' adat** ialah ahli yang memegang jawatan adat terdiri daripada Dato' Menteri, Dato' Jenang, Dato' Panglima Putih dan Dato' Panglima Hitam.

### **Barang-barang persembahan semasa Istiadat Menghantar Kepala Mayat**

a) *Bujam Epok*

- *Bujam Epok* ialah satu tas tangan atau kantung yang diperbuat daripada kain tebal yang ditunen serta disulam. *Bujam Epok* ini digunakan untuk mengisi bekas-bekas sirih. Bahan bahan *Bujam Epok* terdiri daripada daun sirih, tembakau, kapur, pinang dan cengkih.

b) Duit adat (RM28)

- Wang kertas RM1 digunakan sebanyak 28 keping dan membentuk sesuatu corak yang direka khas. Setiap satu wang kertas RM1 ini akan dibalut bersama daun sirih berbentuk corong.
- c) Wajik merupakan salah satu kuih tradisional kaum Melayu, Malaysia. Dalam istiadat ini wajik merupakan ibu diantara kuih tradisional semasa persembahan kerana struktur wajik yang basah.
- d) Kuih muih tradisional
- Kuih muih yang digunakan semasa istiadat ini mempunyai struktur yang basah. Sebagai contoh kuih yang dibawa ialah pulut. Kuih muih ini perlulah dibuat sendiri oleh *Perut* yang membawanya.

#### **Syarat dan tatacara semasa istiadat.**

- Pemakaian bagi kaum lelaki dan wanita ialah pakaian tradisional. Pakaian bagi kaum lelaki ialah Baju Melayu beserta sampin dan kaum wanita ialah Baju Kurung.
- Senyap. Tidak digalakkan untuk membuat bising.
- Duduk bersila bagi lelaki dan bersimpuh bagi wanita. Semasa istiadat dijalankan semua tetamu dikehendaki untuk duduk diatas tikar mengkuang.
- Warna baju bagi *Istiadat Menghantar Kepala Mayat* adalah tidak ditetapkan kepada tetamu tetapi warna pakaian untuk Dato' Adat ialah warna hitam.

#### **Kesimpulan**

Pada era globalisasi kini, adat dan seni warisan Malaysia masih lagi diamalkan tetapi ianya tidak terdedah kepada generasi kini. Perkara ini disebabkan kurangnya pendedahan maklumat, promosi kepada masyarakat tentang sesuatu adat istiadat. Teknik untuk mendapatkan maklumat secara terperinci melalui laman sesawang agak sukar ditemukan kerana kekurangan

orang sumber yang arif dan mahir terhadap maklumat sesuatu perkara. Hal ini juga menyebabkan ramai generasi kini kurang pengetahuannya terhadap kewujudan sesuatu adat warisan. Seperti yang kita tahu, Adat Perpatih merupakan salah satu adat yang cukup terkenal di Negeri Sembilan, di mana ia mempunyai banyak warisan seni yang masih dipelihara sehingga kini seperti adat resam, reka bentuk dan pakaian yang kurang diketahui oleh generasi kini. Untuk memelihara kesemua adat warisan ini, pembukuan dan pendokumentasian merupakan satu teknik yang sesuai digunakan dan disimpan atau dikekalkan untuk rujukan generasi akan datang.

### **Rujukan**

- Ameer Khan (2017, March 27). *Sejarah Asal Usul Johol Dan Undang Johol* [Web log post]. Retrieved September 9, 2018, from <https://www.orangnogori.com/sejarah-asal-usul-johol-dan-undang-johol.html>
- Arkib Negara Malaysia. (2018). *Adat Perpatih: Adat Warisan Bangsa*. Retrieved December 8, 2018, from <http://www.arkib.gov.my/web/guest/adat-perpatih>
- Ghazali Yasin. (2018, March 7). *Urusetia Undang Luak Johol Ke-15*. Retrieved September 13, 2018, from [https://www.facebook.com/groups/283828275330295/search/?query=istiadat menghantar kepala mayat](https://www.facebook.com/groups/283828275330295/search/?query=istiadat+menghantar+kepala+mayat).
- Hamzah Limin (2018, November 14). *Interview: Istiadat Menghantar Kepala Mayat* [Personal interview]
- Istiadat Hantar Kepala Mayat di Negeri Sembilan. (2018, March 20). *New Malaysian Post*. Retrieved August 18, 2018, from <https://newmalaysianpost.com/2018/03/20/istiadat-hantar-kepala-mayat-di-negeri-sembilan/>
- Istiadat. (n.d.). *Dewan Bahasa Dan Pustaka*. Retrieved from

<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=istiadat>

Rosiswandy Mohd. Salleh (n.d.). *Sejarah Pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan* (Publication). Retrieved August 11, 2018, from Muzium Adat Jelebu, Negeri Sembilan website: [http://www.jmm.gov.my/files/Sejarah Pengamalan Adat Perpatih Di Negeri Sembilan.pdf](http://www.jmm.gov.my/files/Sejarah%20Pengamalan%20Adat%20Perpatih%20Di%20Negeri%20Sembilan.pdf)

Syairah Abdul Lajis (2018, March 20). Istiadat Menghantar Kepala Mayat. *Sinar Online*. Retrieved August 18, 2018, from <http://www.sinarharian.com.my/edisi/melaka-ns/istiadat-hantar-kepala-mayat-1.811730>